

**TALKING POINT**  
**BRIG. JEN. DATO' PROF. DR. KAMARUDIN HUSSIN**  
**NAIB CANSELOR**  
**UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS**  
**SEMPENA SENAMROBIK DAN PERJUMPAAN MINGGUAN**  
**PADA 28 OKTOBER 2011**  
**DI MULTIPURPOSE COURT KUBANG GAJAH**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam Satu Malaysia.

Yang Berbahagia Prof. Dr. Zul Azhar Zahid Jamal, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UniMAP

Yang Berbahagia Prof. Dr. Ismail Daut, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UniMAP

Yang Berusaha Encik Zuber Bin Haji Mohamad, Pemangku Pendaftar UniMAP,

Yang Berusaha Puan Saodah Hassan, Bendahari UniMAP,

Yang Berusaha Puan Mazmin Mat Akhir, Pustakawan Kanan UniMAP,

Yang Berusaha Penolong-Penolong Naib Canselor UniMAP,

Dekan-dekan dan Ketua-ketua Jabatan,

Seterusnya staf Universiti Malaysia Perlis yang saya kasihi sekalian.

Selamat Pagi, Good Morning, Kalai Vannakam, Zao Shang Hao,  
Magandang umaga (Tagalog), ahroonsawad (Bahasa Thai).

Hadirin sekalian,

Syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan keizinanNya, dapat kita bersama-sama pada pagi yang berbahagia ini. Terima kasih saya titipkan buat staf UniMAP yang masih lagi memberikan sokongan kepada aktiviti senamrobik kita. Pertemuan kita ini bukan hanya sebagai tempat untuk menyihatkan badan tetapi sebagai wadah untuk kita berkongsi maklumat dan pengetahuan akan isu-isu terkini yang berlaku di UniMAP.

My respected staff, Ladies and Gentlemen,

Again, it is my greatest pleasure to share with you UniMAP's excellent performance at the British Inventors Symposium (BIS) held at Old Spitalfields Market, London, United Kingdom from 19 till 22 Oktober 2012 in which we had 100% success winning three (3) gold medals, two (2) silver and three (3) grand awards.

The product “A Novel Environmental Friendly Cement and Concrete” by the R&D team headed by Encik Mohd Mustafa Al Bakri Abdullah, a senior lecturer in School of Engineering Materials, in which I am also a team member, was awarded the Diamond Award, the most prestigious award at that function. I will mention the other award winners later on in my speech.

Let us all give all the awards recipients a big hand for their success which once again put UniMAP and Malaysia on the world map. It is not an easy win, but with determination and the spirit of making advances in scientific discovery, I can sincerely and confidently say that UniMAP can make a difference among the more established universities in R&D. I am really proud of our R&D teams which lately have won many awards on the local and international front. In fact all of us should be excited about their success and be motivated to continue winning more recognition. Let us all again give them a big hand. Thank you to all of you.

On last Wednesday night, the Chancellor and Pro-Chancellor together with the top management and Deans of Engineering Schools held a soft launching ceremony of UniMAP’s decade or 10 years establishment (2002 to 2012) on board a cruise liner. A new song to commemorate the Centenary Celebration due on February 2012 has also been adopted. We will all be given a chance to hear that song later.

Hadirin sekalian,

Berbalik kepada anugerah yang diperolehi oleh penyelidik kita dalam BIS. Sekalung penghargaan tahniah dan terima kasih buat 4 lagi produk termasuk satu produk daripada pelajar Pusat Pengajian Kejuruteraan Alam Sekitar. Sila berikan tepukan gemuruh buat Prof. Dr. Ismail Daut yang meraih Anugerah Khas Platinum melalui produknya Photovoltaic Powered Inverter without Transformer. Turut meraih Anugerah Khas ialah, Dekan Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi, Prof. Dr. Syed Alwee Aljunid Syed Junid dengan produk penyelidikannya OCDMA Systems Using Random Diagonal Code yang mendapat Anugerah Khas Emas Berganda. Manakala, dua lagi produk memenangi pingat perak iaitu Agriculture Fertigation Robot memalui Jefri Efendi Mohd Salih dan juga penyelidik muda UniMAP iaitu Nurfaiza Mohamud dengan produknya Natural Absorbent.

Sesungguhnya pencapaian mereka ini adalah terbaik kerana BIS adalah satu pameran yang disertai oleh 15 negara dari seluruh dunia antaranya Russia, Saudi Arabia, Taiwan, Romania, Sepanyol, Australia, Ireland, Malaysia dan juga tuan rumah United Kingdom. Bukan sesuatu yang mudah untuk meraih pingat atau anugerah dalam pameran ini. Ini bermakna, penyelidik kita adalah antara yang terhebat sehingga mampu memukau penilaian juri. Tahniah diucapkan.

Hadirin sekalian,

Baru-baru ini saya telah bersama-sama DYTMs Tuanku Canselor dan DYTMs Tuanku Pro Canselor menghadiri Majlis Wacana Ilmu Transformasi Kepimpinan - Memenangi Hati dan Pemikiran sempena program Bengkel Peningkatan Profesionalisme Pengetua dan Felo Kolej Kediaman 2011 anjuran Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) dengan kerjasama UniMAP di Kota Bahru, Kelantan.

Banyak input yang saya perolehi semasa menyertai program tersebut. Di sini saya ingin menyeru kolej kediaman UniMAP untuk meningkatkan tahap perkhidmatan di kolej-kolej kediaman pelajar untuk bersifat "mesra pelajar" kerana ia berperanan sebagai pusat pembangunan sahsiah sama ada dari sudut akademik, intelek dan keperibadian pelajar. Pengetua kolej kediaman perlu menyedia dan memastikan kemudahan asas yang kondusif dalam usaha memberi keselesaan kepada para pelajar dan secara langsung membantu mereka dari sudut mental dan fizikal. Saya yakin ini akan membantu mereka untuk belajar dengan lebih tenang dan memberi tumpuan 100 peratus dalam pengajian mereka.

Manakala, semalam baru sahaja berakhir Program Maraton Pembudayaan Puisi 1Malaysia di UniMAP yang membariskan 5000 rangkap puisi. Program diadakan sempena Bulan Bahasa Kebangsaan 2011 dan dianjurkan oleh Kementerian Penerangan Komunikasi & Kebudayaan, Perpustakaan Negara Malaysia, UPSI,

USM, UniMAP, ASWARA dan Perbadanan Perpustakaan Awam Kedah (PPAK). Selepas UniMAP, pemuisi-pemuisi yang turut terdiri daripada pelajar-pelajar UniMAP ini akan bergerak ke PPAK dan seterusnya ke USM pada 29 Oktober 2011. Kemudian, mereka akan bergerak ke UPSI dan berakhir di ASWARA pada 31 Oktober 2011. Di ASWARA nantilah akan diadakan penyerahan warkah Maraton Pembudayaan Puisi 1Malaysia oleh wakil ASWARA kepada Ketua Setiausaha Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan.

Saya dan Datin Noridah juga tidak ketinggalan untuk memeriahkan program tersebut dengan mendeklamasikan puisi semalam. Satu pengalaman yang cukup bermakna buat saya kerana berada dikalangan mereka yang aktif dan berpengalaman dalam bidang ini. Oleh itu, dikesempatan ini saya ingin mengucapkan tahniah kepada pemuisi-pemuisi kita kerana berjaya turut serta dalam program tersebut. Buat ahli jawatankuasa yang bertungkus lumus, syabas saya ucapkan.

Hadirin sekalian,

Rasanya cukuplah setakat ini. Saya akhiri ucapan saya pada pagi ini dengan dua serangkap pantun,

**Hendak pergi, ke Kampung Jeli,  
Berhias diri, memakai suasa,  
BIS sudah kita ungguli,  
Semakin terserah, nilai antarabangsa.**

**Cantik sungguh, sinarnya mata,  
Lirikan manja, sukar dicari,  
Semakin terserlah, kehebatan kita,  
Bukti sedekad, semakin menghampiri.**

Sekian. Wassallammualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.